

16 SEP, 2025

X-FAB Sarawak pacu Malaysia jadi hab semikonduktor serantau



Berita Harian, Malaysia

Page 1 of 2

X-FAB Sarawak pacu Malaysia jadi hab semikonduktor serantau

• Malaysia menggunakan kelebihan geopolitik dan keterhubungan antarabangsa untuk memperkukuh daya saing dalam industri berteknologi tinggi

• Malaysia muncul sebagai kuasa pertengahan teknologi yang boleh menghubungkan kuasa besar dunia melalui ekosistem semikonduktor



Oleh Dr Mazlan Che Soh
 bhrencana@bh.com.my

Pelancaran X-FAB Sarawak 40K Fab Expansion bernilai RM3 bilion di Samajaya High-Tech Park Jumaat lalu bukan sahaja menandakan kemajuan teknologi semikonduktor negara, malah menjadi simbol keyakinan pelabur antarabangsa terhadap Malaysia sebagai destinasi pelaburan strategik.

Majlis disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, turut mengangkat Sarawak sebagai tonggak baharu dalam strategi nasional untuk muncul sebagai hab semikonduktor serantau dan global.

Dalam ucapannya, Anwar menegaskan pengembangan X-FAB di Sarawak melambangkan transformasi ekonomi Malaysia daripada sekadar pusat pengeluaran asas kepada pusat inovasi teknologi tinggi.

"Hari ini membanggakan kita kerana kita lihat keupayaan kita melakar satu strategi dan pelaksanaan fabrikasi wafer silikon di tahap tinggi. Ini bukan lagi apa disebut sebagai pembuatan asas ataupun 'back-end'.

"Dengan kejayaan Sarawak melalui X-FAB Sarawak 40K Expansion, kita mengangkat keupayaan negara dalam bidang teknologi hadapan, iaitu 'front-end' semikonduktor," katanya.

Dengan itu, Sarawak kini sebaris dengan Pulau Pinang, Kulim Hi-Tech, Lembah Klang, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor yang berjaya menarik syarikat gergasi dalam sektor semikonduktor serta teknologi khususnya Infineon dengan pelaburan RM25 bilion, diikuti Google dan Microsoft (RM8 bilion) serta NVIDIA (RM4.5 bilion).

Data ini menegaskan Malaysia bukan sahaja konsisten menarik syarikat global terkemuka, bahkan berjaya mengagihkan pelaburan ke seluruh wilayah dari utara Semenanjung hingga Sarawak. Strategi ini bukan sekadar memacu pertumbuhan ekonomi, malah memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai hab teknologi serantau.

Bagi Perdana Menteri, keputusan X-FAB untuk menambah pelaburan RM3 bilion adalah bukti nyata kepercayaan terhadap Malaysia, khususnya

Sarawak. Beliau menambah, gabungan kepemimpinan progresif kerajaan negeri dan dasar jelas Kerajaan Persekutuan melalui Strategi Semikonduktor Nasional (NSS) menjadikan Malaysia semakin diyakini dalam kalangan pelabur antarabangsa.

Anwar turut mengingatkan keupayaan menarik pelaburan besar bukan sahaja bergantung kepada infrastruktur, bahkan pada ekosistem menyeluruh - rantaian bekalan, tenaga kerja berdisiplin dan hubungan erat antara industri serta universiti.

Beliau menekankan keperluan mempercepatkan pembangunan fakulti berkaitan kecerdasan buatan (AI) dan teknologi automasi untuk memastikan siswazah benar-benar bersedia memenuhi keperluan semasa industri semikonduktor.

Menariknya, Anwar menghubungkan kejayaan ini dengan kedudukan geopolitik Malaysia yang semakin strategik.

"NSS dirangka dengan menerima hakikat bahawa kita mempunyai potensi besar untuk muncul sebagai peneraju global dalam inovasi dan pengeluaran. Dengan senario geopolitik semasa dan kedudukan Malaysia serta ASEAN yang bersifat sentral - berhubung dengan Amerika Syarikat (AS), China, Eropah dan Asia, malah kini Amerika Latin serta Afrika - kita berada pada kedudukan terbaik untuk dilihat sebagai negara stabil, berpusat dan bersedia berinteraksi dengan semua pihak," katanya.

Usaha Malaysia guna kelebihan geopolitik

Ini jelas memperlihatkan usaha Malaysia menggunakan kelebihan geopolitik dan keterhubungan antarabangsa untuk memperkukuh daya saing dalam industri berteknologi tinggi.

Kehadiran pemimpin dunia, termasuk Presiden Brazil, Luiz Inacio Lula da Silva; Presiden Afrika Selatan, Cyril Ramaphosa; Presiden China, Xi Jinping; Presiden Russia, Vladimir Putin dan Presiden AS, Donald Trump ke Kuala Lumpur bulan depan memberi peluang mempromosikan strategi semikonduktor Malaysia secara langsung kepada kuasa besar dunia.

Dari sudut unjuran masa depan, pelaburan semikonduktor dan teknologi tinggi dijangka menjadi penyumbang utama kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia dalam dekad akan datang.

Dengan nilai eksport produk semikonduktor negara mencecah RM437.5 bilion pada 2024, pengembangan fasiliti seperti X-FAB Sarawak 40K Fab berpotensi meningkatkan angka ini secara berterusan.

RM3 bilion pelaburan tambahan sahaja dijangka menambah sekurang-kurangnya 0.2 peratus hingga 0.3 peratus kepada pertumbuhan KDNK sektor pembuatan berteknologi tinggi.

Malaysia kini berada pada kedudukan penting dalam rantaian bekalan global semikonduktor. Dengan kemasukan pelabur besar seperti Infineon, NVIDIA, Google, Microsoft dan X-FAB, negara beralih daripada menjadi lokasi 'assembly dan testing' kepada pusat inovasi dan pembangunan teknologi hadapan (front-end fabrication).

Ini bermaksud eksport Malaysia bukan lagi bergantung kepada barangan komoditi semata-mata, tetapi didorong komponen berteknologi tinggi strategik dalam industri global - termasuk automotif, telekomunikasi dan AI.

Kedudukan Malaysia yang neutral tetapi aktif dalam hubungan antarabangsa (AS, China, Eropah, Jepun serta negara ASEAN, Amerika Latin dan Afrika) membolehkan negara ini menjadi pilihan pelabur global yang mencari kestabilan di tengah-tengah ketegangan geopolitik dunia.

Ucapan Perdana Menteri jelas menegaskan hal ini: "Kita berada pada kedudukan terbaik untuk dilihat sebagai negara stabil, berpusat, dan bersedia berinteraksi dengan semua pihak."


Oleh itu, Malaysia bukan sahaja menjadi hab serantau, tetapi juga muncul sebagai kuasa pertengahan teknologi yang boleh menghubungkan kuasa besar dunia melalui ekosistem semikonduktor.

Kesimpulannya, pelancaran X-FAB Sarawak 40K Expansion memperkukuh keyakinan bahawa Malaysia berada di landasan tepat untuk menjadi contoh ekonomi muncul (emerging economy) yang berjaya memadamkan kestabilan politik, kepimpinan berwawasan dan strategi pelaburan berfokus.

Pelaburan bernilai RM3 bilion ini bukan sahaja memperkukuh ekosistem industri, tetapi juga membawa impak jangka panjang dalam bentuk pertumbuhan KDNK, peningkatan eksport serta penguhaan kedudukan Malaysia dalam geopolitik global.

Kejayaan ini menandakan strategi negara menggabungkan kestabilan politik, dasar ekonomi progresif, tenaga kerja berdisiplin dan hubungan antarabangsa yang strategik sedang membuahkan hasil. Malaysia kini bersedia muncul bukan sekadar sebagai hab serantau, tetapi sebagai pemain utama dalam rantaian bekalan teknologi global.





16 SEP, 2025

X-FAB Sarawak pacu Malaysia jadi hab semikonduktor serantau

Berita Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Malaysia menggunakan kelebihan geopolitik dan keterhubungan antarabangsa untuk memperkukuh daya saing dalam industri berteknologi tinggi

Malaysia muncul sebagai kuasa pertengahan teknologi yang boleh menghubungkan kuasa besar dunia melalui ekosistem semikonduktor

bhrencana@bh.com.my

Pelancaran X-FAB Sarawak 40K Fab Expansion bernilai RM3 bilion di Samajaya High-Tech Park Jumaat lalu bukan sahaja menandakan kemajuan teknologi semikonduktor negara, malah menjadi simbol keyakinan pelabur antarabangsa terhadap Malaysia sebagai destinasi pelaburan strategik.